

3,999 pelajar baru UMS lapor diri Ahad

KOTA KINABALU: Seramai 3,999 pelajar baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi sesi 2004/2005 akan melapor diri di kampus induk universiti itu di Teluk Likas, Ahad ini.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata pelajar terbabit akan mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan universiti, iaitu 58 program akademik termasuk perubatan.

"Kita rancang untuk mengambil lebih 4,000 pelajar, tetapi untuk kemasukan sesi 2004/2005 kita hanya menawarkan 3,999 tempat.

"Ini termasuk pelajar yang mengikuti program perubatan. Justeru, saya berharap pelajar yang berjaya mendapat tempat akan melapor diri, Ahad ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan aranat kepada kakitangan UMS di Dewan Kuliah Perdana UMS di Teluk Likas, di sini kelmarin.

Lebih 800 kakitangan akademik dan pentadbiran serta sokongan UMS menghadiri Aranat Naib Canselor berkenaan.

Mengenai jumlah pelajar perubatan yang dibil' bagi tahun kedua ini, beliau berkata, UMS menawarkan 42 tempat iaitu meningkat 10 dari pada 32 tempat tahun lalu berbanding 32 pelajar, tahun lalu.

Bagaimanapun, tahun ini kita tambah 10 menjadikan ia 42 orang. Dalam pada itu, semua pelajar perubatan tahun lalu adalah pelajar yang cemerlang.

Mengenai jumlah pelajar Sabah yang mengikuti program perubatan di UMS, beliau berkata, daripada 32 pelajar tahun lalu, lima daripadanya adalah dari Sabah, berbanding 12 daripada 42 pelajar yang mengikuti program perubatan adalah dari Sabah, katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, setakat ini UMS juga menerima 1,500 surat rayuan daripada pelajar yang memohon memasuki universiti berkenaan.

Beliau berkata, UMS juga akan meningkatkan pelajar pasca siswazah di UMS yang kini hanya lapan peratus kepada 20 peratus menjelang 2010.

Sementara itu, beliau berkata, sejak 2003, 60 pelajar dari 18 negara mengikuti pelbagai program akademik di universiti berkenaan.

"Antaranya dari China, India, New Zealand, Kemboja dan Algeria. Pengambilan pelajar asing menggalakkan, sekali gus sebagai permulaan untuk UMS menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

"Saya yakin, dengan kemudahan yang kita miliki serta kualiti kurikulum dan pendidikan yang ditawarkan, UMS akan menjadi tarikan kepada pelajar rantau Asia," katanya.



UNIVERSITI
MAYA
SABAH
UMS
SABAH
MAYA
UNIVERSITI